

10/08/2003

Kuasa besar perlu semai nilai keamanan di sekolah

Ziauddin Sharuddin; Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan negara kuasa besar sepatutnya menyemai budaya menghargai keamanan secara serius dengan memperkenalkannya sejak di peringkat sekolah.

Perdana Menteri berkata, menghargai keamanan perlu dipupuk sebagai sebahagian daripada budaya negara di seluruh dunia, terutama rakyat di negara kuasa besar.

"Kita memerlukan budaya keamanan, terutama di kalangan mereka yang secara berterusan memajukan senjata dan menjualnya kepada negara yang bermusuhan.

"Budaya itu perlu dijadikan sebagai satu budaya kebangsaan bermula di sekolah dan diamalkan sepanjang hayat," katanya dalam ucap utama pada Persidangan Keamanan Sedunia Kuala Lumpur di sini, semalam.

Persidangan dua hari anjuran Yayasan Keamanan Sedunia Malaysia menemukan tokoh dari seluruh dunia seperti Timbalan Presiden Republik Afrika Selatan, Jacob G Zuma; Penasihat Khas kepada Setiausaha Agung PBB dalam bidang sukan untuk pembangunan dan keamanan, Adolf Ogi; bekas Perdana Menteri Bosnia Herzegovina, Profesor Dr Hasan Muratovic dan Naib Menteri Perancangan dan Pembangunan Vietnam, Dr Phan Quang Trung.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, turut menyertai persidangan sebagai moderator atau pengendali sesi perbincangan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir kecewa kerana ada negara menggunakan senjata api dan mengancam dengan senjata nuklear untuk mendapatkan apa yang mereka mahu sedangkan mereka sedar keamanan sejagat adalah hak setiap manusia tanpa mengira kaum atau agama.

"Tetapi saya masih mempunyai harapan pada umat manusia. Keamanan bukan mustahil dicapai. Ia akan mengambil dedikasi luar biasa selain usaha ikhlas daripada mereka yang inginkan keamanan untuk mencetuskan wawasan itu pada penduduk seluruh dunia yang seterusnya akan merangsang mereka untuk bertindak," katanya.

Dr Mahathir berkata masyarakat antarabangsa tidak boleh memandang remeh trend berbahaya ini yang menjadi ikutan dunia.

Katanya, pendemokrasian dan kuasa pasaran bebas sebenarnya didalangi manipulator (pemutar belit) wang dan perniagaan yang sangat kaya.

Katanya, pihak ini bercakap mengenai demokrasi dan pasaran bebas, tetapi pada masa sama menidakkan demokrasi apabila mahu mendisiplinkan kerajaan, walaupun yang dipilih oleh rakyat.

Beliau berkata, kuasa pasaran itu walaupun sangat kaya dan berkuasa, tetapi tidak mewakili seorang rakyat pun.

"Dunia perlu menghentikan perbuatan tamak haloba pihak ini yang selepas puas mengeksploitasi kekayaan negara sendiri dan kini mahu menguasai seluruh dunia pula.

"Mereka mencipta seribu satu alasan untuk menghalalkan eksploitasi dengan bertopengkan usaha menggalakkan demokrasi, keluhuran undang-undang dan hak asasi manusia, tetapi pada masa sama menidakkan demokrasi," katanya.

Dr Mahathir berkata, dunia boleh melupakan demokrasi jika membenarkan golongan tamak ini menguasai dunia.

Katanya, kuasa demokratik dan pasaran bebas yang melampau tidak ada bezanya dengan pemerintahan kuku besi dan pasaran tertutup yang suatu ketika diamalkan negara Komunis.

"Jika demokrat benar-benar demokratik, mereka sepatutnya mampu melakukan lebih banyak untuk menghentikan tindakan melampau itu dan sebaliknya peka terhadap kehendak majoriti penduduk dunia yang miskin.

Selain itu, katanya jurang perbezaan besar antara yang kaya dan miskin adalah faktor utama dunia terus dibelenggu ketidakamanan dan keganasan.

Bagi mengurangkan jurang itu, Perdana Menteri memberi contoh bahawa negara moden mengenakan cukai terhadap golongan kaya dan hasilnya digunakan membantu golongan miskin.

Katanya, kesamarataan itu sekali gus mengurangkan kemungkinan pertentangan keganasan antara kedua-dua golongan itu kerana masyarakat menjadi lebih stabil dan aman.

"Sama seperti dunia sejagat, negara dan orang kaya perlu dikenakan cukai bagi meringankan kemiskinan di negara miskin.

"Golongan miskin tidak wajar terus bergantung kepada yang kaya hingga bila-bila, tetapi dibantu melalui penyediaan kemudahan asas yang membolehkan mereka menggunakan kekayaan negara mereka sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, kekayaan yang diagihkan dengan adil membolehkan masyarakat dunia bebas daripada tekanan, kepahitan dan kemarahan yang membawa kepada keganasan dan pegganas.

Beliau, berkata jurang perbezaan yang besar antara yang kaya dan miskin di dunia pada suatu ketika pernah wujud di Malaysia apabila kekayaan adalah milik satu masyarakat, manakala masyarakat lain kekal terlalu miskin.

"Ketegangan yang wujud akibat keadaan itu menyebabkan rusuhan perkauman, kemusnahan harta benda dan kematian ramai orang pada 1969.

"Untuk mengelakkan peristiwa hitam itu berulang, kerajaan melancarkan pelan tindakan yang dapat mengurangkan jurang perbezaan antara kaum dan mengurangkan kemiskinan di kalangan rakyat," katanya.

Katanya, ini yang menyebabkan walaupun kegawatan ekonomi melanda negara pada 1997-1998 yang menyukarkan sebahagian rakyat, tetapi tidak berlaku rusuhan kaum seperti yang melanda negara lain yang turut terjejas.

Sehubungan itu, katanya dunia memerlukan tindakan berkesan bagi membolehkan jurang perbezaan antara negara kaya dan miskin dikurangkan manakala ketegangan diminimumkan, sekaligus mewujudkan keamanan.

Sementara itu, katanya walaupun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bukan lagi pertubuhan demokratik, tetapi ia masih menjadi harapan bagi penduduk dunia untuk mewujudkan keamanan sejagat.

Perdana Menteri berkata, sebagai pertubuhan antarabangsa yang mampu menghalang mana-mana pihak mencabuli demokrasi, PBB perlu digerakkan untuk mencapai matlamat itu.